

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]**

**TARIKH : 24.10.2016**

**SOALAN :**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menerusi Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), apakah jaminan Kementerian serta jenis latihan atau modul yang diterapkan agar masalah pengangguran dalam kalangan belia benar-benar dapat diatasi dan sekaligus mampu mendokong hasrat Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara negara yang berdaya saing menjelang 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) bermula tahun 2016 di 269 buah SMK yang melibatkan 6,813 orang murid. PVMA merupakan program menaiktaraf MPV yang mensasarkan murid lepasan Tingkatan 3 dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran di negara ini.

PVMA melaksanakan kurikulum kemahiran yang dibangunkan oleh KPM berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS) daripada Jabatan

Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Pembentukan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan melibatkan pakar-pakar mengikut bidang masing-masing daripada industri awam dan swasta serta personel daripada pelbagai agensi/institusi latihan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lepasan PVMA mempunyai peluang pekerjaan yang baik kerana selain memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mereka juga akan ditauliahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sehingga Tahap 3. KPM berkeyakinan program PVMA mampu melahirkan pekerja mahir dan separuh mahir yang diperlukan negara menjelang tahun 2020.

RJM11